



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING


Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 APRIL 2016

**MUKADIMAH** Sebulan telah berlalu sejak pembentukan pakatan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan pembangkang untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pakatan dianggotai senarai pemimpin yang berbeza ideologi bak langit dan bumi itu belum mencapai kata sepakat dalam banyak perkara.

Semalam, bekas Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Terengganu, **FAKHRUL AZMAN ABU BAKAR (gambar)** memberitahu wartawan *Utusan Malaysia*, **HUSSAINI AMRAN**, agak mustahil permuafakatan boleh dicapai dalam pakatan itu.

"Tentu sekali kerana pembangkang masih belum melupakan dendam mereka terhadap Dr. Mahathir," katanya ketika ditemui di ibu negara semalam.



## Mereka perli, jatuhkan air muka Dr. Mahathir

UM-9/4/2016

**UTUSAN: Adakah pakatan pembangkang benar-benar boleh menerima Dr. Mahathir bersama mereka?**

Hakikatnya, mereka tidak akan mengikut telunjuk Dr. Mahathir. Walaupun mereka bersama-sama terlibat dalam pakatan untuk menjatuhkan Perdana Menteri, itu tidak bermakna mereka menghormati Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir sering diperli dalam program-program anjuran pakatan tersebut. Presiden PAN, Mohamad Sabu dan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dalam ucapan mereka sering mengungkit pengalaman ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) semasa Dr. Mahathir masih berkuasa dahulu. Malah, dalam pakatan pembangkang sendiri, ada kumpulan tertentu khususnya dalam PKR yang cuba menggagalkan pakatan Dr. Mahathir dan pembangkang.

**Maksudnya, mereka tidak sehaluan?**

Mereka cuma ingin memperalatkan Dr. Mahathir bagi menarik sokongan segelintir rakyat yang fanatik terhadap beliau. Pakatan untuk menjatuhkan Perdana Menteri ini tidak akan sampai ke mana. Sebabnya, pemimpin-pemimpin pakatan pembangkang sendiri tidak akan bersetuju dengan pandangan Dr. Mahathir.

Begitu juga dengan Dr. Mahathir. Beliau tidak bersetuju dengan agenda untuk membebaskan Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Walhal, PKR ditubuh-

## 5 SOALAN ?

kan 16 tahun lalu dengan matlamat untuk mengeluarkan Anwar daripada penjara. Kerana tanpa Anwar, PKR mengalami krisis pecahan dalaman yang serius. Jika Dr. Mahathir tidak bersetuju dengan agenda itu, saya tidak nampak bagaimana caranya mereka boleh bekerjasama.

**Sanggupkah pembangkang, apa lagi PKR berdamai dengan Dr. Mahathir?**

Mereka tidak akan lupakan dendam dengan Dr. Mahathir. Dalam himpunan anti cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada 2 April lalu, penyokong-penyokong PKR yang didalangi kumpulan 'Otai Reformis' sanggup jatuhkan air muka Dr. Mahathir ketika beliau berucap. Kedegaran perkataan 'reformasi' dan 'undur Mahathir' dilaungkan.

Tidak cukup itu, bekas Ketua Penerangan PKR, Dr. Badrulamin Bahron ketika membaca doa sebelum himpunan berakhir sempat menyindir Dr. Mahathir dengan menggunakan perkataan seperti 'maha firaun' dan 'maha zalim'. Mereka masih berdendam dengan Dr. Mahathir. Melihat kepada sikap mereka itu, tidak mungkin mereka akan berdamai.

**Bagaimana dengan sikap Dr. Mahathir sendiri?**

Saya amat sedih melihat seorang negarawan seperti Dr. Mahathir diperlakukan sedemikian rupa. Sukar difahami mengapa Dr. Mahathir masih sanggup bersekolong dengan pihak yang sebenarnya memusuhi beliau. Malah, beliau sanggup berada dalam perahu yang sama dengan mereka yang menentang Perlembagaan Persekutuan, mencabar hak keistimewaan orang Melayu serta mencemari kesucian Islam.

Apa yang Dr. Mahathir lakukan kini umpama memusnahkan sebuah 'bangunan' yang dibina beliau selama 22 tahun. Lebih dikesali, bom yang digunakan untuk meletupkan 'bangunan' tersebut dilontar dengan tangannya sendiri.

**Apakah saranan saudara kepada Dr. Mahathir?**

Saya berharap Dr. Mahathir menjadi seorang negarawan yang berjiwa besar dan menghulurkan tangan untuk bermaaf-maafan dengan Perdana Menteri serta barisan kepemimpinan UMNO yang lain. Carilah titik persamaan yang akan menyumbang ke arah pengukuhan parti.

Tidak salah berbeza pandangan tetapi biarlah ia dilakukan mengikut adab *al-ikhtilaf* seperti yang dianjurkan dalam Islam. Berlapang dada lah terima kritikan dan pandangan, bersangka baik, berbincang dan tidak mudah menyalahkan orang lain. Hentikanlah bercakaran sesama sendiri kerana akhirnya, orang Melayu juga yang rugi.